



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

KASIH IBU, JALAN KE SYURGA

Tarikh Dibaca:

**25 ZULKAEDAH 1446H /
23 MEI 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قِيلَ اسْلُكُوا الْمَسْجِدَ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KASIH IBU, JALAN KE SYURGA

23 MEI 2025 / 25 ZULKAEDAH 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَى وَهْنٍ وَفِصْلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ

أَشْكُرَ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ﴿١٤﴾﴾ لقمان [14]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian pada khutbah ini dan janganlah sibuk dengan perkara *lagha* seperti bermain telefon bimbit. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini bertajuk; “**Kasih Ibu, Jalan Ke Syurga**”.

Sebelum meneruskan khutbah, saya ingin menyeru kepada seluruh umat Islam agar tidak lupa untuk terus mendoakan saudara-saudara kita di Palestin yang sedang dizalimi rejim Zionis. Doa kita adalah senjata paling ampuh, maka jangan lalai mengangkat tangan memohon pertolongan Allah buat mereka. Di sebalik doa yang tulus, ada harapan, kekuatan, dan keberanian yang mengalir kepada mereka. Ingatlah, penderitaan mereka adalah tanggungjawab kita bersama. Jangan biarkan mereka berjuang sendirian.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI,

Ibu bukan sekadar gelaran. Ibu ialah insan yang membawa kita ke dunia dengan penuh pengorbanan. Dari saat kita belum bernyawa, sampai kita mampu berdikari. Daripada terbaring, sampai kita mampu berjalan sendiri. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim, seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah SAW, *“Siapakah orang yang paling berhak aku layan dengan baik?”* Rasulullah menjawab, *“Ibumu”*. Tiga kali disebut, kemudian barulah, *“Ayahmu”*.

Kenapa ibu didahulukan? Kerana dari dalam kandungan, ibu sudah menanggung beban. Dialah yang menahan sakit, merasakan loya, keletihan, kemudian menanggung kesakitan separuh mati ketika melahirkan kita. Belum sempat dia berehat, dia pula menyusukan, berjaga malam, membersihkan kita, merawat pula ketika sakit, seterusnya membesarkan, mendidik dan menjaga kita. Semuanya dilakukan dengan penuh kasih tanpa syarat.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Hebatnya seorang ibu, mampu menguruskan anak-anak walau sesibuk mana pun dia. Mereka mendahulukan anak-anak sebelum diri mereka sendiri. Mereka sentiasa memastikan anak-anak mereka kenyang terlebih dahulu sebelum mereka sempat mengalas perut mereka sendiri. Begitulah kasihnya seorang ibu terhadap anak-anaknya.

Ramai anak apabila sudah berjaya, lupa siapa yang dulu sanggup berlapar, yang sanggup menangis diam-diam, yang menahan sakit sendirian dan yang berdoa setiap masa agar anaknya berjaya di dunia dan akhirat, menjadi orang yang paling berguna.

Dalam satu hadis riwayat al-Nasai'e, diriwayatkan daripada Mu'awiyah bin Jahimah as-Sulami, bahawa Jahimah datang menemui Nabi SAW lalu berkata: *“Wahai Rasulullah! Aku ingin keluar berjihad dan aku datang untuk meminta pandanganmu”*. Baginda bertanya: *“Adakah engkau masih mempunyai ibu?”* Dia menjawab: *“Ya”*. Baginda bersabda: *“Dampingilah dia, kerana sesungguhnya syurga itu berada di bawah kedua kakinya”*.¹

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

¹ Hadis ini riwayat al-Nasa'i. Diriwayatkan juga oleh Ahmad, al-Tabarani, dan dinilai *hasan* oleh sebahagian ulama hadis.

Sebagai anak, kita berkewajipan mentaati dan memuliakan ibu. Kita tidak perlu menunggu senang untuk berbuat baik kepadanya. Kita tidak perlu menunggu mereka uzur untuk berbakti kepadanya. Jangan sampai ibu kita meninggal dunia baru kita mahu menyesal atau menangis. Sebaliknya dalam kesempatan masih ada umur kita dituntut untuk terus berbuat baik kepada mereka.

Berbuat baik kepada ibu bukan hanya dengan wang. Ia bermula dengan berbicara lembut. Janganlah sekali-kali meninggikan suara apatah lagi mengherdik walaupun ada perkara yang kita tidak bersetuju dengannya. Berusaha menggembirakan hatinya, walau dengan senyuman atau bertanya khabar. Tetap merendahkan diri, walaupun kita berpangkat besar kerana kita harus ingat bahawa dalam kejayaan kita ada doa tulus dari ibu. Seterusnya, doakanlah kesejahteraan, sama ada yang masih hidup atau telah tiada. Manakala yang sudah tiada ibu, berbaktilah kepada mereka dengan memohonkan keampunan buat mereka dan menjaga hubungan silaturahim.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Isra', ayat 23:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ۖ﴾

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “ah”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)”.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Jika hari ini ibu kita masih ada, peluklah dia walau hanya seketika.

Jika dia jauh, seringlah telefon dia, dan bertanya khabar.

Jika dia sudah tiada, doa dan mohonkanlah keampunan buat dia dan ziarahlah kuburnya.

Dan andai kita pernah mengguris hatinya, mohonlah ampun dan maaf kepada mereka sebelum terlambat.

Akhirnya, saya menyeru kepada diri sendiri dan sidang Jemaah sekalian, marilah kita terus menghargai ibu kita, bukan hanya sempena Hari Ibu, tetapi setiap hari dalam hidup kita. Teruslah taat, berbuat baik dan gembirakan hati mereka.

Semoga dengan berbakti kepada ibu, Allah SWT membuka jalan ke syurga untuk kita semua.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, ingatlah beberapa pesanan dari khutbah yang telah disampaikan;

Pertama: Insan yang bergelar ibu telah menyerahkan sepenuh jiwa dan raga mereka demi kebahagiaan anak-anak tersayang.

Kedua: Islam memuliakan kedudukan ibu kerana pengorbanan besarnya dan oleh sebab itu kita dituntut untuk sentiasa taat dan berbuat baik kepada ibu.

Ketiga: Teruslah berbakti kepada ibu walaupun mereka sudah tiada kerana itulah jalan kita untuk menuju ke syurga.

Firman Allah SWT dalam Surah Luqman ayat 14:

﴿وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَلَدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفَصَّلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَلَدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾﴾

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunnya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan)".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Saudaraku, menuntut ilmu ialah salah satu jalan menuju syurga, dan antara cara terbaik mencapainya ialah melalui amalan membaca. Membaca membuka minda, mencelikkan jiwa dan memperkukuh iman. Justeru, marilah kita mengambil peluang keemasan untuk mengisi diri dengan khazanah ilmu yang bermanfaat dengan menghadiri Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2025 yang akan berlangsung di WTC Kuala Lumpur, dari 23 Mei hingga 1 Jun 2025. Rebutlah peluang ini untuk memperoleh buku-buku bermutu, berinteraksi dengan para ilmuwan, serta memupuk budaya ilmu dalam kalangan keluarga kita. Sesungguhnya, masyarakat yang gemar membaca adalah masyarakat yang berupaya membina tamadun yang gemilang.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا
 مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا يَغْ د-قُرْتَوَانِ اكْخُوعْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ.
 وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا رَاجِ قُرْمَالِيسُورِي اكْخُوعْ، رَاجِ
 زَارِثُ صُوفِيَاهُ.
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.